

'SARANG' PIL GUGUR

Rupanya ubat rawat ulser

Semakan dibuat Harian Metro terhadap pil gugur janin yang dijual secara haram melalui Internet oleh seorang lelaki mendapati ia produk tulen, tetapi kegunaan sebenarnya bukan untuk menggugurkan kandungan sebaliknya ubat antiulser.

Pil itu didaftarkan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) untuk merawat penyakit ulser duodenum dan ulser gastrik.

Timbalan Pengarah (Pencegahan dan Kesedaran Pengguna) Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Mazlan Ismail yang diberikan pil itu untuk pengesahan

PIL yang didakwa digunakan untuk menggugurkan janin.

Selepas memantau forum dan ruang sembang itu lebih sebulan, wartawan Harian Metro bertemu penjual pil dengan menyamar sebagai remaja terlanjur.

Sebelum menerusi SMS dengan beberapa soalan penting diajukan seperti tempoh usia

WARTAWAN Harian Metro berurusan dengan lelaki terbabit.

■ **Lelaki dakwa sebagai penasihat doktor pelatih jual melalui Internet**

Oleh Yusmizal Dollah Aling,
Intan Mas Ayu Shahimi,
Shuhada Mansor dan Rizanizam
Abdul Hamid
am@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Menjadikan forum ubat dan ruang sembang sebagai 'sarang' untuk menjual pil gugur, seorang lelaki yang mendakwa dirinya penasihat kepada doktor pelatih mendapat keuntungan secara mudah apabila menjual pil itu secara terbuka kepada sesiapa saja.

Dengan hanya menaip 'pil gugur' di Internet, forum berkenaan terpampang sebagai antara carian popular, sekali gus memudahkan sesiapa membeli pil untuk menggugurkan janin, sama ada pasangan suami isteri yang enggan menimbang ca-

haya mata ataupun remaja terlanjur.

Pemantauan Harian Metro mendapati forum itu menarik minat ramai pelayar Internet yang kebanyakannya bertanya mengenai keberkesanan pil, cara mendapatkannya dan masalah lain yang berkaitan.

Selain pelawat forum, beberapa ejen pembekal ubat sama mengiklankan produk mereka di situ, malah ada di antara mereka bersaing dengan menawarkan harga lebih rendah bagi memancing pelanggan.

Untuk memudahkan pelanggan menghubungi mereka, nombor telefon juga dipamerkan di forum berkenaan namun ada juga antara mereka memilih untuk berurusan menerusi e-mel bagi mengenal pasti identiti pelanggan sebelum berurusan.

Pada peringkat awal, soal jawab dan urusan pembelian hanya menerusi e-mel namun selepas beberapa maklum balas diterima, pembekal yang tidak memperkenalkan nama itu memberikan nombor telefon persendiriaannya.

Urusan pembelian diterus-

“ Saya hanya berniaga. Saya jual ubat ini kepada pelanggan yang mahu dan jika mereka nak gunakan untuk gugurkan kandungan, itu bukan jadi hal saya lagi”

Lelaki terbabit

kandung serta tarikh akhir haid bagi membolehkan penjual menetapkan dos yang diperlukan pelanggan bagi menggugurkan janin.

Hampir seminggu berurusan melalui telefon, tarikh pembelian pil ditetapkan dengan lokasinya di sebuah stesen minyak di Ayer Keroh, Melaka. Walaupun lokasi bertukar dua kali, proses pembelian berjalan lancar.

Dia mendakwa pil itu diimport daripada United Kingdom dan ia selamat digunakan selain tiada kesan sampingan.

Malah, dia juga mendakwa pil itu sah untuk di pasarkan di Malaysia dengan nombor pendaftaran Kementerian Kesihatan Malaysia

19890225AR.

Menurutnya, pil berbentuk heksagon itu dalam dos yang tertinggi iaitu 200 milligram (mg) dan keberkesanannya untuk menggugurkan janin dijamin sehingga 95 peratus berkesan.

“Saya hanya berniaga. Saya jual ubat ini kepada pelanggan yang mahu dan jika mereka nak gunakan untuk gugurkan kandungan, itu bukan jadi hal saya lagi,” katanya yang menjelaskan pil itu tidak dijual sembarangan dan sukar didapati di klinik biasa.

FAKTA
Pil diimport dari United Kingdom dan didakwa tiada kesan sampingan

berkata, pil itu diluluskan untuk jualan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Bagaimana-pun, katanya, ramai pihak tidak bertanggungjawab menyalahgunakan rancun terkawal bagi tu-

juan mengaut untung tanpa mengira kesan buruk terhadap pengguna.

“Mereka menjual ubat berkenaan berdasarkan kesan negatif ke atas pengguna terutama berkait dengan aktiviti pengguguran janin secara haram berbanding fungsi asalnya,” katanya.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai kegunaan pil itu, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM, Datuk Eisah A Rahman berkata, ia untuk menghalang rembesan asid usus, namun ia mempunyai risiko kontraksi pada uterus.



EISAH

Metro 7/1/13 MS A

Lepas ambil usah bangun

“Selepas masukkan ubat menerusi kemaluan, awak tak boleh bangun, kena baring saja, ubat seterusnya dan air kosong letak di sebelah supaya mudah dimakan.”

Itu antara arahan yang dimaklumkan melalui SMS lelaki yang menjual pil gugur kepada wartawan Harian Metro mengenai kaedah pengambilan bahan itu bagi memastikan ia berkesan selepas digunakan.

Menerusi 12 SMS diterima, wartawan yang menyamar

pembeli diterangkan mengenai diet yang perlu diikuti termasuk pantang larang serta aturan penjagaan memastikan pengguguran janin berlaku selain meminta supaya bersedia dengan sebarang kemungkinan.

“Sebelum masukkan ubat, pastikan awak sudah buang air kecil dan tangan mesti bersih sebelum memegang ubat ini,” katanya.

Turut diterangkan, setiap pelanggan diberikan dua pilihan untuk membeli pil terbabit dalam dos berbeza ia-

Aturan
*11mim 5bji mkn dan 1bji masuk bwh di vagina @ (kemaluan)
*12mim 1bji mkn
*7pagi 2bji mkn
*14pagi 1bji mkn
Selepas masuk ubt di vagina, awk dah tak boleh bangun, kena baring shj, ubt seterusnya dan air letak di sebelah supaya mudah awk mkn ubt. 7am baru bangun.

SMS daripada lelaki terbabit.

Kandungan dh masuk 10minggu, paling kurang pun 20bji. Ubt ori dari UK, tiada kesan sampingan & selamat. Belum pernah terjadi org pengsan @ mati ketika mkn ubt ni

Sebji Rm15, Ubt 200mg-Dos paling tinggi & selamat. 1 Juta wanita gunakannya & tiada side effect, ubt dari UK & ada No KKM, MAL19890225AR

Ubt ni terkenal di seluruh dunia. Kalau awk search google abortion pil

Kalau nak pakej ubt tambahan Rm30
Ubt Cirit Birit 4bji,
Ubt Muntah/Tahan Sakit 4bji,
Ubt Tahan Sakit/Kurangan Pendarahan 1bji,
Pil Kecutkan Rahim/Breast 2bji

Pilihan 1,
Kalau ambil pil cuci 20bji x Rm15 sebji, poslaju Rm10, Total Rm310
Pilihan 2 dgn ubt pakej 20bji x Rm15, Ubt Pakej Rm30, Poslaju Rm10, Total Rm340

itu RM15 bagi setiap biji dengan pilihan pertama, 20 pil dijual pada harga RM310 termasuk kos penghantaran

tambahan RM10.

Bagi pilihan kedua, setiap set mengandungi 20 ubat dijual dengan harga RM340

disertakan pakej ubat tambahan serta kos penghantaran pos dengan harga sama seperti pakej pertama.